



Pelajar UPM-gigih membina kolam takungan air dan sistem perparitan.

UPM tabur bakti di perkampungan Islam Vint Lock 13

Oleh Rosniza Mohd Taha
yoniza@bh.com.my

► Ho Chi Minh City

Misi Kesukarelawan-an Siswa Universiti Putra Malaysia (UPM) ke perkampungan Islam Vint Lock 13, Vietnam; menumpukan kepada usaha pengukuhan pendidikan dan penambahbaikan infrastruktur di kawasan penempatan itu.

Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM, Prof Madya Dr Abdul Rasid Jamian, berkata sukarelawan menjalankan aktiviti pengajaran dan pembelajaran subjek Bahasa Inggeris, Matematik dan Bahasa Arab yang berkonsep interaktif dan menyeronokkan.

Menerusi kerjasama Kementerian Kesihatan serta Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM pula, sukarelawan turut menunjuk ajar teknik memberus gigi dan mencuci tangan dengan betul.

Katanya, masyarakat

perkampungan itu tambah ceria apabila pelajar UPM mencantikkan dinding sekolah berdekatan dengan lukisan mural serta membina kolam takungan air dan sistem perparitan yang lebih baik bagi kegunaan penduduk setempat.

Tahap kesukarelawan

“Program seumpama ini meningkatkan tahap kesukarelawan-an pelajar pada peringkat antarabangsa serta

memberi pendedahan yang menyeluruh kepada mereka untuk berbakti berasaskan konsep ‘Sukarelawan hebat untuk kerja yang tepat’.

“Pada masa yang sama, program ini memberi peluang sukarelawan UPM belajar mengenai budaya dan cara hidup komuniti Vietnam yang unik kerana mereka menetap dengan keluarga angkat sepanjang program,” katanya.

Program yang dijayakan



Pelajar menambah baik kemudahan awam di perkampungan Islam Vint Lock 13.

PADA MASA YANG SAMA, PROGRAM INI MEMBERI PELUANG SUKARELAWAN UPM BELAJAR MENGENAI BUDAYA DAN CARA HIDUP KOMUNITI VIETNAM YANG UNIK KERANA MEREKA MENETAP DENGAN KELUARGA ANGGAT SEPANJANG PROGRAM”

Prof Madya Dr Abdul Rasid Jamian, Pengarah Pusat Kokurikulum dan Pembangunan Pelajar UPM

pelajar yang mendaftar Kursus Kokurikulum Berkredit Bakti Siswa itu dilaksanakan menerusi kerjasama dengan Education Malaysia Ho Chi Minh City, Representative Islamic Community of Vietnam dan Pusat Kokurikulum Pembangunan Pelajar, UPM.

Program itu sekali gus membantu mengukuhkan kerjasama antara masyarakat Islam di rantau ASEAN.



Pelajar UPM bergambar bersama-sama penduduk perkampungan Islam Vint Lock 13, Vietnam.



Aktiviti kebersihan diri dilaksanakan oleh pelajar UPM berjaya menarik perhatian kanak-kanak Vietnam.